

7.12.2021

Siaran Media  
 oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
 CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **KELEWATAN SPRWTS: PBAPP ADA PELAN KONTIGENSI AIR MENTAH UNTUK PULAU PINANG**

- **Ketika Perak belum membuat keputusan untuk menjual air mentah, PBAPP telah merangka pelan untuk mengurangkan risiko air mentah Pulau Pinang sehingga 2030.**

PULAU PINANG, Selasa, 7.12.2021: Sebagai operator bekalan air yang bertanggungjawab, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah merangka Pelan Kontingensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) untuk mengurangkan risiko air mentah Pulau Pinang sehingga 2030.

RWCP 2030 adalah sebahagian daripada Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI 2050). Ia mencadangkan pelaksanaan 5 projek air utama berikut:

Cadangan projek		Potensi hasil JLH (juta/liter/hari)	Jangkaan tahun siap
1	Fasa 2 Naik taraf Tangki Pemendapan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua	91	2022
2	Pakej 12A, LRA Sungai Dua: Tambahan modul rawatan air baharu	114	2023
3	Fasa 1 LRA Empangan Mengkuang	114	2025
4	Fasa 1 LRA Sungai Muda	114	2028
5	Skim Bekalan Air Sungai Perai Baharu: Proses pra-rawatan	136	2028
<b>Jumlah Jangkaan Hasil</b>		<b>569</b>	

Sekiranya RWCP PBAPP 2030 dilaksanakan seperti yang dirancang:

- a. Pulau Pinang akan mengoptimumkan Sungai Muda sebagai sumber air mentah utamanya;  
dan
- b. Terokai 2 sumber air mentah baharu: Empangan Mengkuang dan Sungai Perai.

Jumlah potensi hasil ialah tambahan 569 JLH air sehari. Ketersediaan isipadu air tambahan ini dapat memastikan rakyat Pulau Pinang akan terus menikmati perkhidmatan bekalan air yang baik sehingga 2030.

### **Pulau Pinang masih menantikan SPRWTS**

Cadangan pelaksanaan RWCP 2030 **tidak** bermakna Pulau Pinang berputus asa terhadap Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Setelah menunggu selama 10 tahun, Pulau Pinang masih menantikan pelaksanaan SPRWTS.

Seperti yang dilaporkan oleh Bernama dan pelbagai media massa pada 3.12.2021, Kerajaan Negeri Perak belum membuat keputusan mengenai penjualan air mentah kepada Pulau Pinang, seperti yang dicadangkan di bawah SPRWTS. Selain itu, PBAPP telah mengunjurkan bahawa ia akan mengambil masa 7 tahun untuk menyiapkan dan memulakan operasi SPRWTS.

Objektif utama RWCP 2030 adalah untuk Pulau Pinang “menunggu” sehingga pelaksanaan SPRWTS.

### **SPRWTS ialah penyelesaian yang paling rasional dan kos efektif**

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP mencadangkan SPRWTS kepada Kerajaan Persekutuan sebagai penyelesaian air mentah yang rasional dan kos efektif atas sebab utama berikut:

- Sungai Perak adalah sungai kedua terpanjang di Semenanjung Malaysia. Namun, potensinya sebagai sumber air mentah masih

belum diterokai sepenuhnya. Air mentah yang berpotensi digunakan untuk bekalan air mengalir begitu sahaja ke Selat Melaka setiap hari.

- Unjuran hasil SPRWTS adalah tinggi: 1,000 - 2,000 JLH.
- SPRWTS boleh membantu untuk memastikan keperluan air mentah Perak dan Pulau Pinang dipenuhi sehingga 2050. Oleh itu, ia adalah “satu penyelesaian air mentah jangka panjang untuk manfaat 2 negeri.”
- Rawatan air konvensional bagi air mentah dari Sungai Perak menjadi penyelesaian bekalan air yang paling kos efektif untuk Perak dan Pulau Pinang. Ia jauh lebih murah berbanding penyahgaraman dan akan mempunyai kesan paling sedikit terhadap tarif air masa depan di Perak dan Pulau Pinang.
- SPRWTS ialah projek sumber air mentah. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membiayai projek sumber air mentah untuk Pulau Pinang apabila Pulau Pinang berhijrah ke Inisiatif Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negara (NWSIRI) pada 2011.

**Sebab-sebab utama ini masih tidak berubah ketika ini.** Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP akan terus berusaha untuk pelaksanaan SPRWTS kerana kedua-dua Pulau Pinang dan Perak akan memerlukan lebih banyak bekalan air untuk memenuhi keperluan rakyat pada masa hadapan.

Terima kasih.

---

Dikeluarkn oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)